

## MEDIA RELEASE

---

Untuk Siaran Segera

27 Ogos 2019

### **UEM Edgenta Kekal Momentum Pertumbuhan, Isytihar Dividen 6 Sen**

- Bahagian *Healthcare Support* mencatatkan pertumbuhan pendapatan sebanyak 19.7% yang menyumbang kepada peningkatan pendapatan UEM Edgenta sebanyak 10.4% bagi tempoh enam bulan untuk TK2019 ("H1 FY2019") berbanding tempoh yang sama TK2018

**Kuala Lumpur, 27 Ogos 2019** – UEM Edgenta Berhad ("UEM Edgenta" atau "Syarikat"), syarikat peneraju Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur di rantau ini telah mengumumkan keputusan suku kedua yang tidak diaudit bagi tempoh kewangan berakhir 30 Jun 2019 ("suku kedua TK2019") di sini, pada hari ini.

Dividen interim sebanyak 6 sen sesaham telah diisytiharkan bagi tempoh H1 TK2019. Sekiranya diambilkira bersama dengan dividen interim yang diisytiharkan sebelum ini sebanyak 8 sen sesaham bagi H2 TK2018, ia mendatangkan pulangan sebanyak 4.5% bagi tempoh 12 bulan, berdasarkan harga saham yang ditutup pada 23 Ogos 2019 sebanyak RM3.10.

Bagi H1 TK2019, UEM Edgenta terus mengekalkan unjuran pertumbuhannya dengan peningkatan pendapatan sebanyak 10.4% Tahun-ke-Tahun ("T-k-T") kepada RM1.11 bilion berbanding RM1.01 bilion pada TK2018. Keuntungan Sebelum Cukai ("PBT") dan Keuntungan Bersih untuk H1 TK2019 masing-masing meningkat sebanyak 2.8% dan 4.6% kepada RM92.8 juta dan RM68.1 juta.

Segmen *Asset Management* UEM Edgenta yang terdiri dari bahagian *Healthcare Support* dan *Property & Facility Solutions*, merupakan penyumbang utama pertumbuhan bagi H1 TK2019, dengan bahagian *Healthcare Support* mencatatkan peningkatan pendapatan sebanyak 19.7% dan peningkatan PBT sebanyak 25.9%. Pertumbuhan pendapatan di bahagian *Healthcare Support* kebanyakannya disumbangkan daripada projek-projek baharu yang diperoleh menerusi operasi serantaunya di Singapura dan Taiwan dalam tempoh ini.

Meskipun berhadapan dengan separuh tahun pertama yang mencabar bagi sektor infrastruktur, bahagian *Infrastructure Services* UEM Edgenta mencatatkan pertumbuhan pendapatan yang sederhana sebanyak 2.2%. Bahagian *Infrastructure Services* UEM Edgenta merupakan peneraju perkhidmatan penyelenggaraan lebuh raya di Malaysia. Ia juga beroperasi di Indonesia dan kini berusaha menerokai peluang baharu bagi mengembangkan operasinya di sana. Bahagian *Asset Consultancy* pula mencatatkan penurunan pendapatan sebanyak 1.9% dalam tempoh yang sama, kebanyakannya didorong oleh projek semasa yang kini menghampiri penghujungnya.

“Bahagian *Healthcare Support* kami terus menjadi penggerak utama dalam memacu pertumbuhan Syarikat. Pada bulan Julai 2019, kami telah memperoleh kontrak bernilai RM540.06 juta untuk menyediakan perkhidmatan sokongan hospital kepada Kementerian Kesihatan Singapura, dan kami akan terus menerokai peluang perniagaan baharu di rantau ini,” kata Dato’ Azmir Merican, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta.

Bahagian *Healthcare Support* mempunyai operasi serantau dan menyediakan perkhidmatan kepada lebih 300 hospital di Malaysia, Singapura, Taiwan dan India.

Dalam separuh pertama TK2019, UEM Edgenta telah menumpukan perhatian ke arah usaha-usaha penambahbaikan yang berterusan termasuklah antara lain, pelancaran kenderaan mekanisasi untuk memodenkan perkhidmatan penyelenggaraan lebuh raya serta memulakan operasi *UEM Edgenta Learning Centre* yang terletak di Petaling Jaya, Selangor yang menawarkan pelbagai rangkaian program latihan dan pembangunan kepada kakitangan serta rakan kongsi perkhidmatannya.

-Tamat-

#### **Mengenai UEM Edgenta Berhad**

UEM Edgenta ([www.uemedgenta.com](http://www.uemedgenta.com)) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuh raya dan rel, termasuk pengurusan projek & perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Perkhidmatan menyeluruh UEM Edgenta merangkumi sepanjang kitaran hayat aset termasuk perundingan, perolehan dan perancangan pembinaan, operasi dan penyelenggaraan serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. UEM Edgenta beroperasi merentasi Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India dan Emiriah Arab Bersatu.

---

Dikeluarkan oleh **UEM Edgenta Berhad**; Hubungi Hafiz Noor ([hafiznoor@uemedgenta.uemnet.com](mailto:hafiznoor@uemedgenta.uemnet.com) / 019 424 8283 / 03 2725 6946); atau Juliana Jamaluddin ([juliana.jamaluddin@uemnet.com](mailto:juliana.jamaluddin@uemnet.com) / 012 340 9438 / 03 2727 6492)